



## **Welcoming Remarks**

**Yang Mulia  
Hajah Rokiah binti Haji Badar  
Pengarah Urusan  
Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)**

Komuniti Industri Kewangan  
*H2O Heroes: River Clean Up*  
Ahad, 23 Jun 2024, bersamaan dengan 16 Zulhijjah 1445

Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan

Bismillahir Rahmaanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Asy-rafil

Ambiya E'wal Mursalin, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Alihi

Wasahbihi Ajma'in Wa Ba'adu

Yang Mulia

Ahli-Ahli Pengurusan Eksekutif BDCB,

Pengarah-Pengarah Urusan dan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif dari Industri Kewangan,

Pegawai dan kakitangan dari BDCB, institusi-institusi kewangan dan Green Brunei yang dihormati,

Assalamu'alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi,

1. Alhamdulillah, segala syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya juga, kita berpeluang untuk berkumpul pada pagi yang indah ini. Saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran semua di sini ke acara **Komuniti Industri Kewangan: H2O Heroes** yang dikelolakan oleh BDCB dan Green Brunei sempena World Environment Day yang disambut setiap 5 Jun.
  
2. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan kongsi yang terdiri daripada industri kewangan domestik di atas sokongan yang diberikan bagi sama-sama menjayakan acara ini. Komitmen yang dihulurkan sangat dihargai, dan juga mencerminkan perpaduan di kalangan sektor kewangan dalam menangani isu-isu alam sekitar di Negara Brunei Darussalam.

3. Acara ini menandakan titik permulaan platform “Komuniti Industri Kewangan” yang merupakan sebuah platform bagi BDCB and sektor kewangan untuk bekerjasama melalui aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat ataupun *Corporate Social Responsibility*.
4. Saya menggalakkan Institusi-Institusi Kewangan untuk mengambil peluang bagi sama-sama menerajui platform ini secara berterusan dengan idea dan projek bernes yang boleh memacu perubahan yang bermakna serta memberikan impak positif bagi masyarakat kita.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh